

**Zahid: Rekod Imigresen Altantuya Dirahsiakan Kerana Kes Mahkamah  
MStar Online  
21 Mac 2016  
Oleh: D. KANYAKUMARI**

**KUALA LUMPUR:** Semakan rekod imigresen model warga Mongolia, Altantuya Shaariibuu telah dirahsiakan bagi mengelakkan perbicaraan kes berkenaan terjejas, persidangan Dewan Rakyat diberitahu pada Isnin.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dalam jawapan bertulis di Parlimen pada Isnin berkata, polis telah menyiasat rekod imigresen si mati.

"Kami mendapati bahawa terdapat pergerakan (perjalanan), jadi dokumen berkaitan digunakan untuk siasatan.

"Oleh itu, tidak ada keperluan untuk dokumen atau maklumat berkaitan didedahkan sehingga perbicaraan itu berakhir," katanya.

Beliau menjawab soalan Gooi Hsiao Leung (PKR-Alor Setar) yang mempersoalkan mengapa kerajaan menunggu sehingga Disember 2015 untuk mengesahkan bahawa rekod imigresen Altantuya tidak dipadamkan.

**Tags / Kata Kunci:** [Model Mongolia](#) , [Altantuya Shaariibuu](#)

**Hakcipta Terpelihara © 2016 Star Media Group Berhad (ROC 10894D)**

Source: <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/03/21/rekod-imigresen-altantuya-dirahsiakan-kerana-kes-mahkamah/>